

1975

KUALA LUMPUR, 12 OGOS (BERNAMA)-SEMUA SEKOLAH AKAN MENGGUNAKAN KARIKULUM SAINS DAN HISAB YANG BARU DALAM MASA DUA ATAU TIGA TAHUN LAGI.

MENTERI PELAJARAN DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA KARIKULUM TERSEBUT TELAH DIBAHARUI DAN DISESUAIKAN DENGAN KEADAAN NEGARA DAN PERKEMBANGAN ILMU PENGETAHUAN DEWASA INI.

BELIAU TELAH MERASMIKAN PAMIRAN SAINS SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA DI SEKOLAH ALAM SHAH DI SINI KARI INI.

TAMBAHNYA, KEADAH MENGAJAR DAN BELAJAR PULA AKAN DIUBAH DARI HANYA PENERIMAAN DAN PEMBERIAN FAKTA KEPADA MENGAJAR-BELAJAR DIMANA MURID-MURID DIKEHENDAKI MELAKUKAN SESUATU DENGAN CARA DAN FIKIRAN YANG SAINTIFIK.

DR. MAHATHIR JUGA MEMBERITAHU BAHAWA GURU-GURU SAINS DAN PEMBANTU MAKMAL DIKEHENDAKI MENGHADIRI KURSUS DALAM PERKHIDMATAN SUPAYA MEREAK EMPUNYAI PENGETAHUAN CARA MENJAGA DAN MENGENDALI MAKMAL YANG BARU.

BELIAU JUGA MEMBERITAHU, PERSATUAN SAINS DAN HISAB TELAH DITUBUHKAN HASIL DARI SEMINAR MENGENAI NYA YANG DIADAKAN DALAM TAHUN 1974.

-BERSAMBUNG HM 1927

633
MAHATHIR SAINS 2 KUALA LUMPUR

KATANYA PERSATUAN YANG EMPUNYAI CAWANGAN-CAWANGAN DI PERINGKAT NEGERI DAN DAERAH ITU BERTUJUAN SUPAYA GURU-GURU MENITIK BERATKAN PERKEMBANGAN PROFESYENAL DALAM PENGAJARAN SAINS DAN HISAB DAN JUGA PENGURUSAN TENTANG SAINS DAN HISAB DAPAT BERJALAN LEBIH LICIN LAGI.

BELIAU MENYERU PELAJAR-PELAJAR PEREMPUAN MENCEBURKAN DIRI DALAM BIDANG SAINS DAN ILMU HISAB SUPAYA KEKURANGAN GURU-GURU SAINS DAN ILMU HISAB DAPAT LEBIH CEPAT DIATASI KELAK.

PAMIRAN INI DIKELOLAKAN BERSAMA OLEH KEMENTERIAN PELAJARAN DAN SYARIKAT ESSO MALAYSIA BERHAD.

PAMIRAN TERSEBUT BERTUJUAN MENGALAKKAN MURID-MURID SUPAYA MENGEMBANGKAN INISIATIF MEREAK DALAM MENCIPTA HASIL KARYA SAINS, SEJAJAR DENGAN DASAR KERAJAAN MENGALAKKAN PERKEMBANGAN SAINS DAN TEKNOLOJI DAN JUGA MENOLONG MEMBINA SATU MASYARAKAT MALAYSIA YANG BERORIENTASIKAN SAINS DAN TEKNOLOJI.

-BERNAMA HM 1931

634
MAHATHIR SAINS 3 KUALA LUMPUR

TERDAHULU DARI ITU Pengerusi dan Pengarah Urusan ESSO, ENCICK R.W. SMITH BERKATA DI SAMPING MENGELOLAKAN PAMIRAN SEUMPAMA ITU SEBANYAK LIMA KALI, SYARIKATNYA JUGA MENGELUARKAN BIASISWA BAGI KURSUS DIPLOMA DAN IJAZAH SERTA MEMBERIKAN PELUANG PEKERJAAN.

SEJAK TAHUN 1970, SERAMAI 27 ORANG PELAJAR TERMASUK 17 ORANG BUMIPUTRA TELAH MENERIMA BIASISWA ITU. 10 ORANG DARIPADA MEREAK TELAH MENDAPAT PEKERJAAN DI DALAM SYARIKAT ESSO.

ESSO JUGA TELAH MEMBERI BIASISWA KEPADA PENUNTUT ALIRAN MELAYU YANG SEDANG BELAJAR DI UNIVERSITI TEMPATAN.

SERAMAI 50 ORANG PENUNTUT DARIPADA TINGKATAN LIMA DAN ENAM JUGA TELAH MENERIMA BIASISWA SEJAK TAHUN 1970 DARI ESSO.

DI SAMPING ITU SETIAP TAHUN ESSO JUGA MENGADAKAN LATIHAN DALAM KERJA KEPADA 60 ORANG PENUNTUT DAN PENSYARAH. -- BERNAMA HM 1937